

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.KADIR  
[ SETIU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menangani isu penjualan hasil tangkapan ikan kepada nelayan asing di perairan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan maritim dalam usaha menangani isu penjualan hasil tangkapan ikan kepada nelayan asing di perairan negara. Merujuk kepada Seksyen 25 Akta Perikanan 1985, pemilik vesel yang bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

2. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani isu penjualan hasil tangkapan ikan kepada nelayan asing di perairan negara adalah seperti berikut:

- i. Memperluaskan operasi penguatkuasaan bersepadu seperti Operasi NAGA di kawasan '*hotspot*' perairan pantai barat Malaysia yang melibatkan kerjasama antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut

## SOALAN NO : 407

DiRaja Malaysia (TLDM), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Gerakan Udara (PGU,PDRM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Sebanyak 162 vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara telah ditahan melalui Ops NAGA dan GELORA Khas pada tahun 2019;

- ii. Mempergiatkan penguatkuasaan aktiviti *Monitoring, Controlling and Surveillance* (MCS) vesel penangkapan ikan melalui *Vessel Monitoring System* (VMS) dan *Automatic Identification System* (AIS) oleh DOF. Sebanyak 284 laporan telah dikemukakan kepada APMM oleh DOF melalui pemantauan bilik operasi bagi tujuan perkongsian data dan tindakan bersama pada tahun 2019.
- iii. Berdasarkan arahan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), bermula September 2017, DOF tidak lagi memperbaharui lesen bagi vesel perolehan luar negara seperti Thailand, Vietnam, China, Brunei dan Filipina; sama ada terpakai atau bina baharu. Usaha ini dapat mengurangkan aktiviti pengklonan vesel nelayan tempatan yang berdaftar oleh nelayan asing.
- iv. Melaksanakan *pilot project* bagi penggunaan *Quick Response Code* - QR dan *Radio Frequency Identification* - RFID ke atas 100 vesel laut dalam sebagai kaedah identifikasi dan pemantauan vesel tempatan di laut.
- v. Mempergiatkan program pemutihan vesel laut dalam berdasarkan undang-undang, syarat dan dasar pelesenan yang ditetapkan bagi memastikan lesen yang diluluskan adalah pengusaha yang benar-benar tulen sahaja. Sejak tahun 2011 sehingga 2017, sebanyak 577 vesel laut dalam telah dibatalkan lesen di bawah program ini.

Sekian, terima kasih.